

Bayar Fidyah Tinggal Puasa

Written by Ustaz Alias

Wednesday, 14 April 2010 14:30 - Last Updated Sunday, 20 November 2011 15:54



Disini akan dibahasakan mereka yang wajib membayar fidyah dan mereka yang tidak wajib membayarnya dengan itu saya mulakan mereka yang wajib membayar fidyah.

Mereka yang wajib membayar fidyah kerana meninggalkan puasa ialah:

1. Orang yang meninggalkan puasa ramadan dengan sebab uzur dan dia ada masa mengqada'nya dan dia tidak mengqada'nya sehingga dia mati maka wajib walinya mengeluarkan tiap-tiap satu hari satu cupak makanan yang diambil dari harta peninggalannya. Ahli keluarga (wali) si mati boleh mengqada'kan puasa si mati sekiranya mereka mahu dan tak perlu mengeluarkan fidyah.

Sekiranya si mati tidak mengqada' puasanya dan telah masuk ramadan yang lain maka wajib dua fidyah, satu fidyah puasa yang tak dapat diqada'nya kerana dia dah mati, dan satu fidyah melangkau qada'nya pada ramadan yang lain, begitulah seterusnya jika puasa yang tidak diqada' melangkau dua tahun, tiga tahun hukum ini berbeza dengan orang yang hidup, sila lihat no. 5. Ahli keluarga si mati boleh mengqada'kan puasa si mati sekiranya mereka mahu dan hanya perlu mengeluarkan satu fidyah sekiranya puasa yang tidak diqada' telah diselang oleh satu ramadan.

Bayar Fidyah Tinggal Puasa

Written by Ustaz Alias

Wednesday, 14 April 2010 14:30 - Last Updated Sunday, 20 November 2011 15:54

2. Orang yang meninggalkan puasa ramadan dengan tiada uzur dan tidak ada masa mengqada'kannya sebelum dia mati, maka wajib atas walinya membayar fidyah secupak makanan untuk tiap-tiap hari yang ditinggalkannya. Ahli keluarga si mati boleh mengqada'kan puasa si mati sekiranya mereka mahu dan tak perlu mengeluarkan fidyah.

3. Orang yang ada puasa nazar dan dia ada masa memperbuatnya tetapi dia tidak puasa sehingga dia mati, maka wajib mengeluarkan secupak makanan bagi tiap-tiap satu hari puasa yang dinazarnya. Fidyah itu hendaklah diambil dari harta peninggalannya. Ahli keluarga si mati boleh berpuasa bagi pehak si mati sekiranya mereka mahu dan tak perlu mengeluarkan fidyah.

4. Orang yang ada puasa kafarah sama ada kafarah jimak dalam bulan ramadan, kafarah zihar, kafarah sumpah, atau kafarah bunuh, sedangkan dia ada masa mengerjakan puasa itu tetapi dia tidak berpuasa sehingga dia mati, maka wajib dikeluarkan setiap puasanya itu satu cupak makanan yang diambil dari harta peninggalannya. Ahli keluarga si mati boleh berpuasa bagi pehak si mati sekiranya mereka mahu dan tak perlu mengeluarkan fidyah.

5. Orang yang melewati qada' puasanya sehingga masuk ramadan yang lain, wajib keatasnya mengqada' puasanya dan mengeluarkan fidyah iaitu secupak makanan bagi tiap-tiap hari yang dilewatkan itu, sekiranya yang dilewatkan itu dua tahun, maka dua cupak, jika yang dilewatkan itu tiga tahun maka tiga cupak begitulah seterusnya.

Orang yang melewati qada' puasanya sehingga masuk ramadhan yang lain hanya wajib mengqada'kan puasanya sehari jua bagi tiap hari yang ditinggalkan, dan tidak perlu dia menggandakan qada'nya hanya yang diganda bilangan cupak yakni bilangan fidyah.

6. Perempuan yang hamil yang meninggalkan puasa ramadan sebab takut mudarat anak dalam perut sedang tidak takut mudarat dirinya. Dia wajib mengeluarkan fidyah dan wajib qada'.

7. Perempuan meninggalkan puasa ramadan sebab takut mudarat anak dengan sebab kurang susu tetapi tidak takut mudarat dirinya. Dia wajib mengeluarkan fidyah dan wajib qada'.

8. Orang yang terlalu tua, wajib membayar fidyah sahaja dan tidak wajib mengqada' puasanya,

Bayar Fidyah Tinggal Puasa

Written by Ustaz Alias

Wednesday, 14 April 2010 14:30 - Last Updated Sunday, 20 November 2011 15:54

sekalipun kemudian dari itu dia boleh berpuasa.

9. Orang sakit yang tidak ada harapan sembuh wajib membayar fidyah sahaja dan tidak wajib mengqada' puasanya, sekalipun kemudian dari itu dia boleh berpuasa.

10. Orang yang berbuak puasa ramadan kerana menolong orang yang tengelam air atau lainnya maka dia wajib qada' serta fidyah.

Jadual wajib fidyah. Sila lihat di atas lebih terperinci

Puasa atau qada'	fidyah	Catatan
1. Orang yang mati	ada sesudahkah	Wajib mengqada' puasa dan membayar fidyah
2. Orang mati meninggal	daripada qada'	Wajib mengqada' puasa dan membayar fidyah
3. Orang yang mati	daripada uszale	Wajib mengqada' puasa dan membayar fidyah
4. Orang yang ada	puasa qada'	Wajib mengqada' puasa dan membayar fidyah
5. Orang yang mele	Wajib qada' puasa	Wajib satu cupak bagi setiap hari
6. Perempuan yang	Wajib qada' puasa	Wajib sandungak bagi setiap hari
7. Perempuan yang	Wajib qada' puasa	Wajib satu cupak bagi setiap hari
8. Orang yang terlalu	Wajib qada' puasa	Wajib mengqada' puasa dan membayar fidyah
9. Orang sakit yang	Wajib qada' puasa	Wajib mengqada' puasa dan membayar fidyah
10. Orang yang ber	Wajib qada' puasa	Wajib mengqada' puasa dan membayar fidyah

Mereka yang tidak wajib membayar fidyah kerana meninggalkan puasa.

1. Orang yang meninggalkan puasa ramadan dengan sebab uzur dan dia tidak ada masa mengqada'nya sehingga dia mati. Contoh tidak ada masa mengqada', seperti dia mati selepas ramadan, atau berkekalan sakit sehingga dia mati.

Bayar Fidyah Tinggal Puasa

Written by Ustaz Alias

Wednesday, 14 April 2010 14:30 - Last Updated Sunday, 20 November 2011 15:54

2. Orang yang ada puasa nazar dan dia tidak ada masa memperbuatnya sehingga dia mati. Contoh seorang yang bernazar sekiranya dapat anak dia akan berpuasa selama tiga hari, kemudian dia pun mendapat anak dan dia mati pada keesokan harinya atau sakit pada keesokan harinya sehingga mati maka tidak perlu dikeluarkan fidyah kerana dia tidak ada masa memperbuatnya.

3. Orang yang ada puasa kafarah dan dia tidak sempat memperbuatnya dan dia pun mati atau sakit berterusan sehingga mati.

4. Perempuan yang menyusukan anak yang takut mudarat pada dirinya atau yang takut mudarat pada dirinya dan anak yang disusunya.

5. Perempuan hamil yang takut mudarat dirinya atau mudarat dirinya dan anak di dalam kandungannya.

6. Perempuan yang meninggalkan puasa ramadan dan dia tidak dapat mengqada'nya dengan sebab menyusukan anak atau hamil sehingga berselang beberapa ramadan. Perempuan ini tidak perlu membayar fidyah dan dia hanya perlu mengqad' puasanya sahaja. Contoh, seorang perempuan beranak sebelum ramadan dan dia tidak berpuasa kerana dia di dalam nifas, setelah ramadan darahnya berhenti dan dia sedang menyusukan anak, dalam masa dia menyusukan anaknya dia hamil dan seterusnya dia beranak, dan masuk ramadan yang lain sedangkan dia tidak mengqada' puasanya yang telah dia tingalkan kemudian dia menyusukan anak lagi begitulah seterusnya sehingga beberapa tahun. Oleh kerana dia hamil dan menyusukan anak maka dia dikira ada uzur. Dan dia boleh (tidak berdosa) menanguhkan qada puasanya sehingga masuk ramadan yang lain